



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR**

**PROJEK PERMULAAN KE – 8, PELAN INDUK INDUSTRI  
AEROANGKASA MALAYSIA, PKS MAMPU TERBANG LEBIH TINGGI**

---

**[Langkawi, 17 Mac, 2015]** LIMA 2015 kali ini telah manyaksikan beberapa inisiatif kerajaan diperkenalkan, di dalam memantapkan lagi pembangunan industri aeroangkasa di Malaysia. Perasmian Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia yang telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak di Langkawi pada hari ini turut memberikan penekanan dan fokus kepada pembangunan PKS yang terlibat di dalam industri aeroangkasa di Malaysia. Pelan Induk Industri Aeroangkasa ini mengambil kira dan memberi fokus kepada pembangunan PKS di dalam industri pembuatan aeroangkasa global melalui komponen di dalam Projek Permulaan Ke – 8 (EPP 8).

EPP 8 di dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKRA) ini memanfaatkan secara langsung saranan Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia dan inisiatif yang terdapat di dalam Pelan Projek Ke – 7 (EPP 7), “Menjadikan Malaysia sebagai hab pengilang peralatan aeroangkasa di Asia Tenggara” juga mengambil peluang di dalam menjadikan Malaysia sebagai Bandar Aeroangkasa Asia. EPP 8 ini dirangka berdasarkan kepada keadaan semasa industri yang memerlukan perhatian yang khusus dan spesifik dengan berpandukan kepada 3 kayu ukur tahap pertumbuhan iaitu keupayaan dan kapasiti industri yang diiktiraf, pasaran perniagaan dan pembangunan industri dan pelaburan serta pelaburan, pembiayaan dan insentif. EPP 8 turut memfokuskan kepada 6 inisiatif utama yang dijalankan bagi memastikan matlamat dan misi Pelan Induk Industri Aeroangkasa Malaysia menjelang tahun 2020 dapat dicapai.

Mensasarkan penambahan pendapatan kasar negara pada tahun 2020 berjumlah RM454 juta, EPP 8 ini juga turut meletakkan sasaran peningkatan peluang pekerjaan sebanyak 4,108 kekosongan menjelang tahun 2020. Kedua-dua sasaran ini jelas memberi indikasi bahawa sektor pembuatan di dalam industri aeroangkasa yang melibatkan perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia ini memberikan impak yang besar dan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. Di dalam pelaksanaan EPP 8 ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) bertanggungjawab menjadi peneraju dan SME Corp. Malaysia akan bertindak sebagai pelaksana kepada semua inisiatif yang telah dirangka di bawah pelan ini.

Melihat kepada status semasa penglibatan perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia di dalam industri aeroangkasa, pasaran dan perkhidmatan PKS hanya tertumpu kepada pembekalan dan pengedaran komponen dan peralatan dengan nilai dagangan di dalam rantai perniagaan yang rendah dan minima. Dengan pengenalan EPP 8 ini, inisiatif-inisiatif yang bakal dilaksanakan ini dilihat mampu membuka peluang kepada PKS untuk meneroka pasaran perniagaan berskala sederhana dan besar termasuk menjadi pengedar utama kepada syarikat aeroangkasa berpengaruh di dunia seperti Boeing, Rafale dan banyak lagi.

Di antara inisiatif yang bakal dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia adalah membantu perusahaan kecil dan sederhana menaiktaraf status pensijilan dan pengiktirafan penting di dalam industri aeroangkasa, mengukuhkan ekosistem aeroangkasa, rantai perniagaan yang efektif dan kompetitif untuk PKS serta mengambil manfaat ke atas skim pembiayaan kerajaan dan platform pelaburan sedia ada.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Raja Rozaila Azman di 03-2775 6203 ([rozaila@smecorp.gov.my](mailto:rozaila@smecorp.gov.my)) atau Ahmad Mu'izz Mohd Yusof di 03-2775 6275 ([muizzyusof@smecorp.gov.my](mailto:muizzyusof@smecorp.gov.my)).

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA  
(SME CORP. MALAYSIA)

Level 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral, Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral,  
50470 Kuala Lumpur, Malaysia  
Telefon: 603-2775 6000 Fax: 603-2775 6001

<http://www.smecorp.gov.my>  
e-mail: [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat yang menggubal dasar umum dan strategi PKS serta menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan Agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta sebagai pusat perhubungan untuk maklumat dan menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK) yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia.